

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 20 MEI 2015**

**RUJUKAN : 7871**

**SOALAN:**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah dan sebab-sebab kes kematian dalam tahanan dari tahun 2000 hingga tahun 2014 dan apakah perancangan Kementerian untuk mengurangkan jumlah tersebut.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam mengelakkan kejadian kematian dalam tahanan polis atau agensi Penguatkuasa yang lain. Kementerian tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan yang menyebabkan kecederaan atau menyebabkan kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat dan tindakan sewajarnya oleh Kementerian akan diambil semada dari sudut Tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.

**Statistik tahanan mati dalam lokap polis pada tahun 2000 sehingga 2015 (April) mengikut punca kematian seperti berikut:-**

BIL	PUNCA KEMATIAN	00	01	02	03	04	05	06	07	08	09	10	11	12	13	14	15	JUMLAH
1.	<b>HIV</b>	1	2	7	9	8	3	2	2						1	1		36
2.	<b>SAKIT ASMA</b>			3		1					1							5
3.	<b>SAKIT JANTUNG</b>	1	2	1		1	2		1	2		3	1	2	1	2	1	20
4.	<b>LAIN-LAIN PENYAKIT (USUS, HATI, KUNING, ULSER, PARU-PARU, KERONGKONG )</b>	4	6	4	18	12	9	10	12	8	3	5	15	13	15	14	2	150
5.	<b>PENDARAHAN DI OTAK</b>	1	2		3	1	1	3	3									14
6.	<b>GANTUNG DIRI</b>	3	5	2	1	1	3	2	1	2	2	1	1	4	2			30
7.	<b>GADUH SESAMA OKT</b>			1	1													2
8.	<b>DICEDERAKAN POLIS</b>										1				1			2
	<b>JUMLAH</b>	10	17	18	32	24	18	17	19	12	7	9	17	19	20	17	3	259

Dalam usaha untuk mengurangkan kes kematian dalam tahanan, tindakan penambahbaikan telah diambil oleh pihak PDRM dengan mengambil langkah-langkah baru berikut:-

- a) Pemasangan sistem CCTV di dalam sel-sel untuk memantau pergerakan dan aktiviti OKT di dalam lokap. Sebanyak RM6.3 juta telah dibelanjakan untuk pembaikan, naik taraf dan perolehan baru sistem CCTV lokap yang aktif. Pada masa ini, PDRM sedang memasang sistem CCTV yang dilengkapi dengan kemudahan video analitik bagi meningkatkan keupayaan pemantauan kepada OKT dan “*response time*” semasa dalam lokap.
- b) Mengkaji semula *Standard Operating Procedure (SOP)* dan memperkenalkan Prosedur Kualiti Pengurusan Lokap yang baru dengan memberikan penekanan yang ketat dalam aspek kesihatan kepada tahanan. Jika didapati orang tahanan mengadu atau pengawal lokap mendapati orang tahanan tersebut cedera atau mengalami kecelaruan mental atau berkelakuan yang luar biasa, tindakan menghantar ke hospital dengan seberapa segera hendaklah diambil oleh pengawal lokap berkenaan.
- c) Modifikasi pakaian OKT di dalam lokap yang lebih mesra, selamat dan tidak berbahaya yang boleh dijadikan sebagai senjata untuk membunuh diri atau membahayakan tahanan lain sedang dalam proses rekabentuk.
- d) Orang tahanan yang perlu mengambil ubat secara berkala,

**pihak polis membenarkan ubatan tersebut dibekalkan dan dibawa kepada pengawal lokap. Ubatan tersebut akan diberikan kepada orang tahanan seperti mana yang ditetapkan oleh pegawai perubatan.**

- e) **Memastikan borang pengesahan penyakit atau kecederaan hendaklah diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri.**

**Adalah diyakini dengan transformasi dan langkah-langkah drastik yang telah diperkenalkan ini, kes kematian dalam tahanan dapat ditangani dengan lebih telus dan diterima oleh semua pihak dan sekaligus dapat mengurangkan kes kematian dalam tahanan.**